Campus Life

Pementasan teater UMPSA ‘Assalamualaikum YB!’ menghiburkan penonton

Fri, 01/17/2025 - 10:05

PEKAN, 5 Januari 2025 – Kelab Teater Senandika dengan kerjasama Bahagian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (BKKW), Pusat Sukan dan Kebudayaan (PSK) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah menganjurkan pementasan teater ‘Assalamualaikum YB!’ bertempat di Dewan Peperiksaan Elektrik, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE), UMPSA Pekan baru-baru ini.

Menurut Pengurus Produksi Teater ‘Assalamualaikum YB!’ yang juga pelajar tahun 3 Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE), Naomi Melia Anak Beginda, teater ini adalah karya Adieyka Zainal.

“Saya mengambil peluang ini untuk mempelajari pelbagai cara-cara melaksanakan sesebuah program.

“Bagi saya, tugas ini agak mencabar kerana saya perlu berurusan dengan ramai pegawai bagi melaksanakan banyak tempahan dan membuat keputusan untuk menguruskan kelengkapan produksi.

“Teater ini menceritakan mengenai penduduk Kampung Manikam Kalbu yang sedang melaksanakan persiapan terakhir bagi perasmian dewan baharu yang bakal dirasmikan oleh YB Salleh.

“Tok Yamin merupakan Ketua Kampung Manikam Kalbu kelihatan sibuk menguruskan pasukan kompang dan kumpulan persembahan yang terdiri daripada Mamat, Minah dan Nyah,” ujarnya.

Tambahnya lagi, dalam keriuhan itu, munculnya Pak Ayob dan Mak Mah yang juga mahu turut serta dalam menanti dan meraikan ketibaan YB.



“Terjadinya pelbagai insiden dan keriuhan penduduk Kampung Manikam Kalbu yang beria-ia memastikan kelancaran majlis perasmian ini dan tiba-tiba seorang penduduk kampung masuk, membawa perkhabaran bahawa empangan pecah.

“Semua bertempiaran lari dan air naik dengan pantas, hanya bumbung sahaja yang tempat menyelamatkan diri, maka di situlah terbongkar segala isi dan cerita.

“Kisah daripada segala kejadian, terbongkar segala konspirasi dan kebenaran YB Salleh,” katanya.

Pengarah pementasan yang juga merupakan pelajar tahun akhir Fakulti Komputeran, Mohammad Fikri Mahdir melihat tarikh teater berlangsung iaitu pada Semester 1, Sesi 2024/2025 dapat menyemai rasa minat terhadap seni teater dalam kalangan pelajar-pelajar baharu.

“Ini sekali gus memberi peluang kepada ahli kelab Senandika yang sedia ada kekal semangat untuk berteater.”

“Pementasan ini adalah kejayaan bersama seluruh tenaga produksi yang bertungkus-lumus menjayakan Assalamualaikum YB!,” katanya.

Produksi telah dijayakan oleh 48 orang ahli produksi dan seramai 210 orang penonton hadir pada kedua-dua hari pementasan yang terdiri daripada orang awam, alumni UMPSA dan para keluarga produksi.

Turut hadir Ketua Bahagian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (BKKW), Pusat Sukan dan Kebudayaan (PSK) Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Pahang (UMPSA), Mohd Zaki Ahmad.

Disediakan Oleh: Noor Afiza Mohd Asmi, Pusat Sukan dan Kebudayaan

TAGS / KEYWORDS

Pementasan teater UMPSA

- 276 views

View PDF